



SIARAN MEDIA

PAKEJ PERPADUAN JALUR LEBAR TETAP (HOME INTERNET) TAWAR HARGA RM69 DENGAN DATA TANPA HAD

SUNGAI PETANI, 30 Mac 2023 - Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil hari ini telah merasmikan Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap (Home Internet) yang merupakan inisiatif Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dengan kerjasama syarikat penyedia perkhidmatan jalur lebar tetap iaitu Telekom Malaysia (TM), CelcomDigi, Maxis dan YTL.

Pakej ini menawarkan perkhidmatan dengan kelajuan sehingga 30 Mbps dan data tanpa had berharga hanya RM69.00 sebulan serta kontrak langganan selama 24 bulan. Harga pakej yang ditawarkan 22% lebih murah berbanding harga pakej semasa sekitar RM89.00 dengan spesifikasi yang sama. Ini membolehkan rakyat menikmati penjimatan sebanyak RM480.00 sepanjang tempoh kontrak.

Pengenalan pakej tersebut selaras dengan komitmen Kerajaan Perpaduan untuk menurunkan kos sara hidup yang menyasarkan golongan B40, Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pesara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Orang Kurang Upaya (OKU) serta warga emas.

Inisiatif ini turut membuktikan keprihatinan Kerajaan Perpaduan bersama-sama penyedia perkhidmatan terhadap keperluan bagi memastikan kesalinghubungan digital yang lebih menyeluruh dengan harga yang lebih rendah seiring dengan konsep Malaysia MADANI.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha KKD, YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Pegawai Operasi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) YBhg. Dato' Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus, Ketua Pegawai Korporat dan Kawal Selia Telekom Malaysia, YM Tengku Muneer Tengku Muzani dan Pegawai Daerah Kuala Muda, YBrs. Encik Ilias bin Shuib dan wakil-wakil syarikat penyedia perkhidmatan.

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Komunikasi dan Digital**